

Rujukan : UKM HTM.3/224/2/3
Tarikh : 20 Februari 2023

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 1/ 2023

Ketua-Ketua/ Pengurus-Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

PENGUATKUASAAN PENGESAHAN TANDATANGAN DAN NAMA PENERIMA BAGI PENERIMAAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DI JABATAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman, setiap pegawai di Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTj) bertanggungjawab membuat perakuan penerimaan terhadap bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang diterima daripada syarikat/ kontraktor. Dokumen yang diperakukan hendaklah lengkap dan memastikan membuat pengesahan tandatangan serta mencatat nama dan tarikh penerimaan pada setiap dokumen kewangan yang terdiri daripada Nota Hantaran, Invois, Sijil Tauliahguna dan lain-lain yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, Jabatan/ PTj dikehendaki menyimpan senarai nama dan contoh tandatangan pegawai yang bertanggungjawab dalam penerimaan bekalan/ perkhidmatan/ kerja bagi tujuan kawalan dan keperluan semakan semasa audit. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dan berisiko untuk berlaku salahguna serta penyelewangan dalam proses pengurusan kewangan universiti.

Sukacita pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Segala kerjasama dan perhatian dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A (M)

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01547

UNIT BAYARAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 5224/ 8316/ 5196/ 5195 Faks: +603-9145 6649 Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

- s.k
- **YBhg. Prof. Dato' Dr Hanafiah bin Haruna Rashid**
Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur
 - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01547

UNIT BAYARAN, JABATAN KEWANGAN

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel Tel.: +603-9145 5224/ 8316/ 5196/ 5195 Faks: +603-9145 6649 Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my